

Kosmo
4/9/16
mls 7

Jumpa bayi lelaki dalam kotak

KUALA LUMPUR - Seorang pelajar sekolah menengah terkejut apabila menemui seorang bayi lelaki yang masih bertali pusat bersama uri dalam sebuah kotak di longkang berhampiran rumahnya di Jinjang Selatan Tambahan dekat sini semalam.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner R. Munusamy berkata, dalam kejadian kira-kira pukul 10.58 pagi itu, pelajar berusia 16 tahun tersebut berada di dalam rumah sebelum anjing peliharaannya menyalak

di kawasan halaman rumah.

“Pelajar berkenaan kemudian keluar untuk meninjau keadaan sekitar rumah sebelum anjing berkenaan membawa pelajar tersebut ke longkang berhampiran.

“Ketika menghampiri longkang tersebut, pelajar berkenaan mendakwa terdengar bunyi tangisan sebelum menemui seorang bayi yang masih bertali pusat dalam sebuah kotak,” katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* di sini semalam.

Jelas Munusamy, jarak rumah saksi ke longkang tersebut kira-kira 10 meter dan lokasi bayi lelaki itu ditemui merupakan kawasan rumah setinggan.

Tambah beliau, bayi yang ditemui dalam keadaan sihat itu kemudian dihantar ke Hospital Selayang untuk rawatan lanjut.

Sehubungan itu, polis memohon sesiapa yang mempunyai maklumat mengenai bayi itu supaya menghubungi Balai Polis Sentul di talian 03-40400781 bagi membantu siasatan.



SEORANG bayi lelaki yang masih bertali pusat ditemui ditinggalkan di dalam kotak berhampiran kawasan perumahan di Jinjang Selatan Tambahan semalam.